

CAMERON HIGHLANDS TENGGELAM

Tak selamat didiami



SEKOLAH Jenis Kebangsaan Cina Bertam Valley dilanda air selepas pintu empangan dibuka susulan hujan lebat di beberapa kawasan di sekitar Cameron Highlands sejak lewat petang, semalam.

PALANIVEL melawat rumah mangsa banjir di Kampung Baru Ringlet, semalam.

■ Penduduk terjejas akan dipindah ke penempatan lebih selesa: Palanivel

Cameron Highlands

Penduduk di kawasan yang terjejas akibat banjir lumpur di Ringlet, di sini, kelmarin mungkin akan dipindahkan ke penempatan yang lebih selamat.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri G Palanivel berkata, bencana terbaru itu membuktikan kawasan terbabit tidak lagi selamat untuk diduduki dan langkah segera perlu dilakukan untuk keselamatan mereka.

Menurutnya, kawasan terbabit sebelum ini sudah dilanda kejadian banjir beberapa kali, namun kejadian terbaru kelmarin adalah yang terburuk.

"Kediaman mereka terlalu hampir dengan sungai dan kini sudah masanya mereka dipindahkan untuk mengelak kejadian lebih buruk berlaku pada masa akan datang.

"Saya sudah bercakap dengan Pegawai Daerah Cameron Highlands untuk mencari kawasan yang sesuai bagi memindahkan penduduk dan berharap perkara ini dapat dilaksanakan segera."

“Sudah masanya mereka dipindahkan untuk mengelak kejadian lebih buruk berlaku pada masa akan datang”

G Palanivel

katanya yang ditemui ketika melawat mangsa yang dipindahkan di Dewan Ringlet, di sini, semalam.

Palanivel yang juga adalah Ahli Parlimen Cameron Highlands berkata, dia juga sudah memberi penerangan berhubung keadaan di Ringlet kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

"Saya sudah memohon dengan Perdana Menteri sejumlah peruntukan bagi menangani masalah yang berlaku di sini.

"Bagaimanapun, kita harus faham kejadian yang berlaku disebabkan bencana alam dan bukannya berpunca dari manusia," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan

Undangan Negeri (ADUN) Tanah Rata Leong Ngah Ngah, ketika ditemui berpendapat, kejadian banjir dan tanah runtuh yang berlaku di Ringlet, Lembah Bertam serta Kuala Terla adalah bukan semata-mata berpunca dari hujan lebat luar biasa, tetapi juga disebabkan oleh projek pembangunan dan aktiviti perladangan yang tidak terkawal.

"Banyak projek pembangunan dan perladangan yang dijalankan sejak beberapa tahun lalu dan ia menyumbang pada bencana alam ini.

"Memang hujan lebat tidak dapat dielak, namun pembangunan boleh dirancang," katanya.

Leong bagaimanapun mengemukakan tindakan pihak berkuasa yang pantas menangani kejadian termasuk mengambil langkah melepaskan air Empangan Sultan Abu Bakar yang mencapai tahap bahaya bagi mengelak kejadian lebih buruk berlaku seperti tragedi tahun lalu yang menyebabkan empat mangsa terkorban susulan banjir akibat limpahan air dari empangan berkenaan.

Kuantan: Kerajaan negeri melalui jabatan berkaitan sudah melaksanakan prosedur operasi standard (SOP) iaitu dengan menghantar bantuan segera kepada mangsa banjir lumpur di Ringlet, Cameron Highlands, kelmarin.

Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, semua langkah perlu sudah dilakukan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi membantu penduduk yang terjejas.

"Saya percaya semua agensi terbabit sudah melakukan kerja mereka de-

Salur bantuan segera

ngan baik. Kita tidak menafikan banjir lumpur itu berulang akibat sikap manusia sendiri yang tidak menghargai alam sekitar," katanya pada sidang media selepas mengiringi Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah sempena Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri di Dewan Jubli Perak Sultan Ahmad Shah, di sini, semalam.

Beliau berkata, pembangunan tidak teratur dan penerokaan hutan secara rakus

menyumbang kepada bencana itu dan orang ramai perlu mengambil iktibar dengan kejadian itu dan lebih menghargai alam sekitar.

"Kalau kita ke sana (Cameron Highlands), kita boleh tengok sendiri betapa banyak kawasan sudah diteroka. Persoalan ia diteroka secara sah atau haram, itu perkara lain, yang menjadi persoalan sekarang ialah sikap kita sendiri dalam menjaga dan menguruskan alam sekitar," katanya.

JPN sedia penginapan kepada calon SPM

Kuantan: Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pahang menyediakan kemudahan membatik pengangkutan dan penginapan kepada calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang menghadapi kesulitan untuk ke dewan peperiksaan berikutan banjir kilat dan tanah runtuh di Cameron Highlands, kelmarin.

Pengarahnya Datuk Rosdi Ismail berkata, pihaknya sudah melakukan perancangan dan persiapan awal bagi me-

mastikan setiap pelajar yang menghadapi kesulitan akibat bencana alam diberikan kemudahan sepatutnya.

Beliau berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan Pejabat Tanah dan Daerah Cameron Highlands untuk menyediakan pengangkutan sepanjang peperiksaan kepada pelajar selain meminta calon menginap di asrama bagi memastikan mereka boleh mengulang kaji dengan sempurna.

"Setakat ini, 23 daripada 416 calon SPM di Cameron Highlands berdepan kesukaran menduduki peperiksaan berikutan kejadian banjir kilat dan tanah runtuh di kawasan tanah tinggi itu.

"Mereka menghadapi kesulitan kerana kediaman di Kampung Ringlet terbabit dalam bencana itu selain tiada pengangkutan menyebabkan terlewat menduduki SPM," katanya ketika dihubungi, semalam.